

## UNTUK SIARAN SEGERA

---

### Rumah Malaysia Masa Hadapan Diinspirasikan Melalui Pertandingan Rumah Konsep 2030 (*Concept Home 2030 Competition*)

- Syarikat bekerjasama dengan Pertubuhan Akitek Malaysia untuk mencari konsep reka bentuk rumah masa hadapan melalui pertandingan idea reka bentuk seni bina terbuka;
- Pertandingan Rumah Konsep 2030 bertujuan untuk menemukan ciri-ciri pembangunan, tempat tinggal dan pemilikan rumah masa hadapan yang lestari melalui reka bentuk, pembinaan, teknologi dan gaya hidup, serta berkongsi konsep dengan masyarakat hari ini.

**ARA DAMANSARA, 25 OGOS 2021** – Bayangkan rumah teres Malaysia yang sedia ada. Kini, ubah bayangan itu kepada sesuatu yang serba baharu. Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") bersedia untuk mengilhamkan pembaharuan yang sepenuhnya dalam pembinaan rumah teres, dari segi pembinaan dan reka bentuk agar lebih sesuai untuk memenuhi setiap keperluan pemilik rumah masa hadapan.

2020 merupakan tahun dimana rumah menjadi kepentingan utama disebabkan perubahan gaya hidup yang drastik akibat gangguan (*disruption*) yang melanda dunia. Namun begitu, rumah teres yang mempunyai reka bentuk andal dan popular di kalangan rakyat di Malaysia, hampir tidak berubah sejak beberapa dekad yang lalu. Justeru, Sime Darby Property ingin merebut peluang ini untuk menggambarkan ciri-ciri kehidupan dan cara hidup manusia di masa hadapan.

Untuk merealisasikan visi tersebut, Sime Darby Property dengan sukacitanya mengumumkan 'Pertandingan Rumah Konsep 2030' ("Pertandingan") dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia ("PAM"). Pertandingan ini mengundang penyertaan daripada arkitek korporat yang berdaftar dengan PAM untuk mencari konsep reka bentuk rumah masa hadapan melalui idea reka bentuk seni bina yang sesuai dengan pembayangan gaya hidup rakyat Malaysia pada tahun 2030. Peserta pertandingan digalakkan untuk melangkah keluar daripada norma tradisi reka bentuk hari ini bagi menghasilkan idea yang mampu mencetus perubahan dinamik dalam cara hidup kita, bagi Sime Darby Property untuk seterusnya merealisasikan visi masa hadapan tersebut untuk rakyat Malaysia.

Ia bukan sekadar mereka bentuk rumah dengan fasad hijau yang boleh dibina serta-merta esok. Arkitek yang menyertai pertandingan ini digalakkan untuk menerokai idea futuristik dan menginspirasikan cara baharu dalam mereka bentuk, membangun dan membina rumah mesra

rakyat melalui teknologi pembinaan, harta tanah dan reka bentuk untuk komuniti dan perbandaran lestari pada masa hadapan. Bermula daripada penggunaan bahan serta kaedah dalam fasa pembinaan, sehingga ke ciri-ciri kehidupan lestari melangkaui persekitaran rumah yang dihuni, rumah teres konsep masa hadapan yang dibayangi ini akan berteraskan teknologi maju.

Rumah konsep yang diilhamkan perlu mengoptimumkan penggunaan ruang fleksibel dan ciri-ciri lain yang boleh diubah suai bagi memenuhi kehendak kerja dan belajar dari rumah pada bila-bila masa. Ia juga perlu membolehkan penghuni untuk memperluaskan ruang berdasarkan keperluan, serta dibina dengan asas modular yang benar-benar dapat mendefinisikan semula keharmonian hidup bermasyarakat dan bukan sekadar rumah individu.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata: "Prinsip bentuk mengikuti fungsi (*Form follows function*) telah wujud dalam masyarakat kita selama beberapa generasi. Untuk membentuk cara hidup manusia di masa hadapan, kita perlu mencari dan menemukan idea-idea baharu daripada mereka yang mahu menjadi pencetus perubahan dalam sektor pembinaan. Cabaran terbesar dalam memperbaharui reka bentuk rumah teres Malaysia yang sedia ada adalah untuk menerapkan fungsi dan proses pembinaan yang lebih cekap, dilengkapi dengan ruang serbaguna yang boleh disesuaikan untuk pelbagai kegunaan. Pencarian reka bentuk baharu untuk rumah teres masa hadapan perlu bermula sekarang.

Kita perlu belajar daripada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku beberapa dekad yang lalu agar lebih bersedia dalam menghadapi masa hadapan, terutamanya yang berkaitan dengan perubahan iklim, pemilikan rumah, kekurangan bahan serta perubahan gaya hidup dan keperluan peribadi. Melalui Pertandingan ini, kami ingin memahami dengan lebih mendalam visi rumah masa hadapan daripada lensa pakar seni bina dan reka bentuk, rumah yang dibina dengan teknologi dan ciri-ciri canggih yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan produktiviti".

Pertandingan ini mendorong para peserta untuk menangani arah aliran mega (*mega trends*) dan ramalan rumah masa hadapan, serta mengusulkan cara-cara baharu dan inovatif untuk mereka bentuk dan membina rumah bagi mengurangkan jurang pasaran sedia ada. Sejarah Sime Darby Property dalam merevolusikan reka bentuk rumah dan membawa idea-idea baharu sebelum zamannya telah dikonsepkan lebih satu dekad yang lalu melalui '*Idea House*' - sebuah 'kediaman berkonsepkan neutral-karbon' untuk perumahan lestari dimana ia merupakan yang pertama di Asia

Tenggara. Ciri-ciri dari konsep *Idea House* telah disesuaikan dalam projek-projek kediumannya yang terkini, khususnya di City of Elmina, Shah Alam.

Kini, Sime Darby Property berhasrat untuk membawa pembaharuan rumah konsep ke tahap yang lebih maju, iaitu untuk membina prototaip yang akan mencabar norma dan sesuai dengan arah aliran yang sentiasa berubah. Usaha akan ditekankan untuk mencipta reka bentuk rumah teres baharu daripada semua aspek - teknologi, kelestarian, modulariti dan gaya hidup masa hadapan, serta membayangkan semula cara menyesuaikan idea rumah baru dalam komuniti.

"Visi Syarikat agar Pertandingan Rumah Konsep 2030 ini dapat menghasilkan nilai yang berganda pada masa hadapan. Ini adalah kerana terdapat masih banyak peluang dalam industri harta tanah yang masih belum mencapai kemuncaknya. Kami gembira untuk bekerjasama dengan PAM dalam Pertandingan ini, serta terbuka kepada kolaborasi dengan pihak-pihak lain di pasaran untuk membawa inovasi, teknologi dan penyelesaian terbaik bagi meningkatkan kualiti dan kemampuan rumah masa hadapan. Ini termasuk menerapkan kebolehan teknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) agar sebuah rumah dapat berfikir untuk penghuninya. Marilah bersama-sama Sime Darby Property dalam usaha untuk meningkatkan pengalaman hidup generasi akan datang melalui inovasi dalam pembangunan rumah dan perbandaran masa hadapan," kata Dato' Azmir.

Presiden PAM, Datuk Ar. Ezumi Harzani bin Ismail berkata, "Melalui pertandingan idea reka bentuk ini, kami berharap dapat melihat idea-idea inovatif yang akan mengubah arah aliran masa hadapan, membawa teknologi interaktif baharu yang membolehkan manusia berkomunikasi dengan rumah, serta rumah yang mampu berdaya tahan terhadap persekitaran dan direka bentuk untuk memenuhi keperluan dan keinginan hidup moden rakyat Malaysia."

Pertandingan ini mengundang penyertaan daripada arkitek yang berdaftar dengan PAM mulai 16 Ogos 2021 dan ia akan melibatkan beberapa peringkat sebelum keputusan diumumkan pada Januari 2022. Penyertaan akan dinilai oleh panel penilai terkemuka yang terdiri daripada wakil Sime Darby Property dan PAM. Juara akan memenangi RM100,000 dan projek pameran fizikal atau secara maya berkomisen dengan Sime Darby Property. Pemenang tempat kedua dan ketiga masing-masing akan membawa pulang RM75,000 dan RM50,000. Selain itu, pertandingan ini juga akan menganugerahkan dua hadiah Anugerah Kehormatan dan Anugerah Pilihan Ramai di mana

pengundian awam akan dilakukan secara talian bagi rakyat Malaysia untuk mengundi penyertaan kegemaran mereka.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perincian pertandingan dan penyertaan, sila lawati [www.pam.org.my](http://www.pam.org.my).

-TAMAT SIARAN-

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property

ialah satu-satunya pemaju harta tanah di Malaysia yang telah diiktiraf oleh Carbon Disclosure Project untuk inisiatif pengurusan karbon dan inisiatif syarikat dalam melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Ia merupakan pemaju harta tanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju harta tanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Media Contact:** Sharmila Nair | +6012-617 7860 | [sharmila.nair@simedarbyproperty.com](mailto:sharmila.nair@simedarbyproperty.com)

**For General Enquiries please e-mail** [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)